

Pilihan raya Sarawak: UMNO tidak sokong calon Bebas — PM

UM 31 JUL 2011
KOTA KINABALU 30 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, UMNO tidak akan menyokong calon Bebas sebaliknya akan memastikan Barisan Nasional (BN) menang dalam pilihan raya umum negeri Sarawak akan datang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menolak dakwaan pihak-pihak tertentu kononnya UMNO akan menyokong calon Bebas dalam pilihan raya negeri itu.

Beliau menyifatkan dakwaan tersebut sebagai dakyah pembangkang bertujuan mengabui rakyat Sarawak.

“UMNO hanya sokong kempen ca-

lon BN untuk menang pilihan raya di Sarawak dan tidak ada sebab untuk kempen calon di luar parti,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Ke-7 Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) di Magellan Sutera, di sini hari ini.

Menurut Pengerusi BN itu, telah menjadi tradisi bahawa UMNO sentiasa mempertahankan kemenangan calon daripada komponen BN seperti yang dibuktikan menerusi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas, Sabah pada 21 Julai lalu.